

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarkan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi **Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Remy Mahzam, Ustazah Nurhafizah Azman

Edisi (Edition) no. 27 / Jun 2019

Kandungan

- **Dari meja penyunting...** (mukasurat 2)
- **Peranan Ulama Dalam Pengukuhan Ekonomi Umat Islam**, oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Bin Md Yusoff (mukasurat 3)
- **Siapakah Sebenarnya yang Bergelar Ulama?: Satu Perspektif Wasati**, oleh Ustaz Mustazah Bahari (mukasurat 10)
- **The Ramadhan-Bazaar Conundrum: A Way Forward**, by Mohd Hafiz Kusairi (mukasurat 14)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

CONNECT WITH US



www.wasatonline.wordpress.com

Dari meja penyunting....

Eid Mubarak diucapkan kepada sekalian pembaca.


Semoga Ramadan yang akan berlalu telah berjaya mendidik kita semua untuk menjadi Muslim yang lebih baik di hari-hari akan datang dan meletakkan kita di kedudukan yang lebih tinggi di sisi Allah taala. Begitu juga kedatangan Idil Fitri akan membawa keceriaan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

Wasat sekali lagi bertemu para pembaca. Semoga kehadirannya di sisi pembaca di akhir Ramadan dan menjelang Idil Fitri dapat menyumbang pada pendidikan diri yang holistik (rohani, jasmani dan intelek) sesuai dengan peranan Ramadan sebagai bulan pentarbiyahan diri.

Untuk kali ini *Wasat* mengemukakan tiga artikel yang diharap akan memberi manfaat kepada pembaca, insya Allah.

Artikel pertama bertajuk **Peranan Ulama Dalam Pengukuhan Ekonomi Umat Islam**, oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Bin Md Yusoff. Artikel ini membicarakan konsep ekonomi dari perspektif Islam yang berbeza dengan konsep ekonomi konvensional yang bersumberkan dari Barat dan peranan yang boleh sepatutnya dimainkan ulama dalam memajukan ekonomi umat Islam. Setelah itu penulis berkongsi antara peranan yang dimainkan oleh Pergas dan Muis di Singapura sebagai meneruskan peranan para ulama dari zaman silam untuk memajukan ekonomi masyarakat Muslim di Singapura.

Artikel kedua adalah sumbangan Ustaz Mustazah Bahari bertajuk **Siapakah Sebenarnya yang Bergelar Ulama?: Satu Perspektif Wasati**. Artikel ini cuba menjelaskan definisi ulama dan




sifat-sifat mereka berdasarkan sumber-sumber tradisi dan aplikasinya dalam konteks hari ini. Tujuan utamanya ialah untuk membina fahaman yang saksama dan membetulkan salah


faham yang ada di kalangan para pelajar agama bahawa, tiada ulama di Singapura, yang ada hanyalah para pendakwah dan guru-guru agama sahaja; golongan agamawan di Singapura belum layak menjadi ulama kerana tidak menghafal Al-Quran dan Hadis, malah jauh sekali dari menghafal bait-bait syair seperti ulama di negara-negara Arab; dan ulama sebenar hanya berada di tanah Arab. Moga artikel ini dapat mencapai tujuannya.

Artikel ketiga ialah sumbangan saudara Mohd Hafiz Kusairi yang bertajuk **The Ramadhan-Bazaar Conundrum: A Way Forward**. Artikel ini mengulas isu pengoperasian bazar di bulan Ramadan yang sering kali mengundang komentar-komentar negatif dari sesetengah pihak bahawa ia bercanggah dengan tujuan bulan Ramadan yang menganjurkan Muslim untuk memberi tumpuan pada rohani mereka dan membanyakkan ibadah, sedangkan bazar adalah satu aktiviti perniagaan yang berteraskan keuntungan kebendaan dan menyibukkan Muslim pula dari beribadah dan aspek rohani mereka. Dalam artikel ini, penulis berhujah bahawa berniaga di bulan Ramadan seperti mengoperasikan bazar adalah sesuatu yang harus di sisi agama. Sebagai sesuatu yang harus, sikap yang saksama ialah untuk tidak terus mencela

amalan itu secara umum. Kewujudan golongan yang lalai dan melampau, tidak seharusnya menyebabkan prejudis pada amalan berkenaan hingga menatijahkan komentar-komentar atau sikap-sikap yang bercanggah dengan kemuliaan Ramadan itu sendiri.

Selamat membaca.. Bacalah dengan nama Tuhanmu.





Peranan Ulama Dalam Pengukuhan Ekonomi Umat Islam¹

oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Bin Md Yusoff

Pengenalan

Kertas kerja ini akan mengupas ekonomi dari sudut perspektif Islam dan perbezaannya dengan takrifan ekonomi dari sudut pandangan sarjana Barat dan bagaimana Islam cuba menangani masalah ini.

Tulisan ini juga akan cuba menyentuh mengenai tuntutan ekonomi dalam pandangan Islam sebelum mengakhiri perbahasan dengan mengongsi sumbangan sarjana Islam terutamanya ulama silam dalam wacana ekonomi dan peranan ulama masakin dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam menerusi pengalaman Singapura.

Konsep ekonomi dalam pandangan Islam

Bagi memahami ekonomi dalam pandangan Islam, terlebih dahulu perlu dibincangkan definisi ekonomi yang dikemukakan oleh sarjana Barat dan perbandingannya dengan definisi ekonomi di sisi sarjana Islam.

Menurut Lord Robbins, dalam bukunya *An Essay on the Nature and Significance of Economic Science*, di mana beliau telah mengupas perbahasan ekonomi menurut pandangan para sarjana pada masa itu, sebelum memberikan definisi mengenai ekonomi berdasarkan kacamataannya, iaitu satu bidang ilmu sosial yang menerangkan gelagat manusia dalam membuat keputusan penggunaan daripada sumber-sumber yang terhad, untuk mencapai tahap kepuasan yang maksimum.²

Berbeza dengan definisi ekonomi pihak Barat atau sekular, definisi ekonomi sarjana Islam seperti M.A. Mannan mengambil kira dasar-dasar Islam seperti keadilan dan lain-lain. Menurutnya, ekonomi Islam

merupakan ilmu yang mengkaji permasalahan ekonomi yang berteraskan nilai-nilai keislaman.³

Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa ekonomi menurut sarjana Islam adalah satu ilmu dalam membuat pilihan bagi menangani tiga perkara, 1) sumber yang terbatas, 2) keputusan pilihan untuk kepentingan sendiri, dan 3) kemahuan yang tidak terbatas.

Menurut M.A Mannan perkara ini boleh dihuraikan melalui penerapan nilai-nilai Islam yang boleh disimpulkan melalui rajah di bawah.⁴

Masalah	Huraian
Sumber yang terbatas	<ul style="list-style-type: none"> Nikmat Allah luas Segala sumber adalah anugerah dan ciptaan Allah
Kemahuan yang tidak terbatas	<ul style="list-style-type: none"> Allah iktiraf naluri manusia
Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> Untuk memenuhi keperluan, bukan untuk memenuhi ketamakan Untuk persaudaraan dan perkongsian. bukan diri sendiri sahaja

Fahaman ini menolak definisi Barat yang dibina atas andaian keterbatasan sumber dan keperluan mengutamakan kemahuan diri dan pilihan sendiri terlebih dahulu kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam yang menolak sikap tamak dan pentingkan diri sendiri semata-mata dan anjuran semangat persaudaraan dan perkongsian termasuk dalam mencari kekayaan.

Namun, sikap Islam dalam mengatur etika dan hal ehwal ekonomi seharian amat mengambil kira naluri

manusia yang sangat cintakan harta dan kebendaan sebagaimana dalam firman Allah taala,

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia; kesukaan kepada perkara-perkara yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia...” (Ali Imran: 14)

Dengan kata lain, sikap Islam terhadap hal ekonomi bertitik tolak dari pandangannya terhadap naluri

manusia sebab ia adalah agama fitrah.⁵ Oleh itu, dalam hal-hal yang berkaitan muamalah atau ekonomi, Allah tidak melarang sepenuhnya manusia untuk membelanjakan sesuatu, asal sahaja berpada-pada serta tidak boros, membazir atau bakhil sebagaimana dalam firmanNya,

“Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta) mereka tidak berlebihan dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.” (Al-Furqan: 67)

Tuntutan ekonomi menurut Islam

Dalam Al-Quran, perbincangan mengenai ekonomi dapat dilihat dari sudut bagaimana Islam mendidik manusia dalam menguruskan ekonomi atau lebih tepat mengurus harta atau wang.

Perkataan *Mal* atau harta itu sendiri diulang di dalam Al-Quran (dalam bentuk tunggal) sebanyak 25 kali, manakal *Amwal* yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai harta-harta dalam bentuk kata ganda diulang sebanyak 61 kali.

Menurut M. Quraish Shihab, harta dalam pandangan Al-Quran merupakan modal serta salah satu faktor pengeluaran yang penting dalam kehidupan, tetapi bukanlah yang paling terpenting.⁶

Beliau kemudiannya berkongsi beberapa ayat-ayat Al-Quran bersangkutan dengan perkara ekonomi. Antaranya firman Allah taala,

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah.” (Al-Jumu'ah: 10)

Menurut beliau, ayat ini memerintah manusia mencari rezeki bukan sekadar mencukupi keperluan manusia semata-mata, tetapi untuk mencari apa yang diistilahkan sebagai *fadhul-Llah*; iaitu kelebihan yang bersumber dari Allah taala. Diistilahkan sebagai kelebihan Allah agar yang memperolehnya dapat melakukan ibadah secara sempurna serta menghulurkan bantuan kepada pihak yang berhajat

sebagai saham untuk kita beribadah dan bersedekah.⁷

Ingatan Allah juga jelas dalam firmanNya,

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan

bahagianmu dari dunia, dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.” (Al-Qasas: 77)

Melalui ayat ini pula, umat Islam digesa bersikap seimbang dalam membelanjakan harta, iaitu di samping mencari kebahagiaan di Akhirat, usah dilupa tanggungjawab di dunia seperti memberi nafkah bagi keluarga serta tidak melakukan kerosakan dengan harta yang diperolehi.

Pada masa yang sama, Islam bukan sahaja menganjurkan ekonomi dengan baik, tetapi juga diseru untuk mengembangkan harta kita sebagaimana dalam firman Allah taala,

“Jangan kamu berikan harta kamu kepada orang-orang yang belum sempurna akalny akan harta kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu. Dan berilah mereka belanja dan pakaian daripada hartanya, dan berkatalan kepada mereka dengan perkataan yang baik.” (Al-Nisa': 5)



Dengan ini, manusia berkewajipan untuk menguruskan ekonomi dengan baik agar ia terus produktif, di samping pemilik harta diperintahkan untuk mengembangkan hartanya dan membiayai keperluannya.⁸

Sumbangan dan peranan ulama dalam pengukuhan ekonomi umat Islam

Ulama sebagai pewaris Nabi, bukan sahaja perlu meneruskan seruan Nabi dalam membimbing masyarakat dalam hal tingkah laku dan keperibadian, tetapi juga dalam hal pengukuhan ekonomi umat Islam.

Baginda s.a.w. digambarkan sebagai seorang pemimpin yang perlu dijadikan contoh kepimpinannya dalam pelbagai aspek.

Allah taala berfirman, “Dan sederhanakanlah (*waqsid*) kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keledai.” (Luqman: 19)

Dinyatakan bahawa ayat ini menggambarkan prinsip peranan kepimpinan yang baik oleh Nabi s.a.w. Kepimpinan ini bukan sekadar dari sudut keperibadian diri, tetapi juga dalam hal keagamaan dan hal-hal berkaitan masyarakat termasuk perkara ekonomi.

Waqsid dalam ayat ini merupakan rumpun kata yang sama dengan *iqtisad* serta sinonim dengan *wasatiyah*. Maksudnya di sini bukan sekadar seimbang, tapi aspirasi menjadi yang terbaik. Yakni keperibadian yang terbaik dari segenap sudut meliputi akhlak mahupun muamalah seharian yang merangkumi perkara ekonomi.⁹

Dengan itu ulama sebagai pewaris para Nabi perlu mengambil peranan yang lebih proaktif dalam perkara ekonomi juga, iaitu sekurang-kurangnya-peranan dalam kepimpinan keagamaan seperti menyediakan garis

pandu berlandaskan syariah dan dalam memberi nasihat sesuai dengan anjuran *amr ma'ruf* dan *nahy munkar*.

Hakikatnya, perbincangan atau wacana ekonomi bukan perkara baru dalam Islam. Ulama Islam silam sudah lama membincangkan tentang muamalat yang termasuknya perkara ekonomi. Perbincangan tentang cukai, monopoli, permintaan dan bekalan serta konsep keadilan dalam ekonomi antaranya telah menjadi dasar bagi konsep ekonomi moden pada masa ini.¹⁰

Antara contoh para ulama silam yang pernah mengutarakan ijihad dan pandangan mereka dalam bidang ekonomi yang disebutkan ini ialah:

1. Abu Hanifah (80 – 150 H)

- Mewajibkan zakat pada perhiasan emas dan perak.
- Tidak mewajibkan pembayaran zakat jika hutangnya melebihi harta yang dimiliki.

2. Abu Yusuf (113 – 182 H)

- Larangan penguasa menentukan harga sesuatu barang.
- Keadilan hanya terjadi jika barang ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran sahaja.

3. Al-Ghazali (451 – 505 H)

- Kepentingan fungsi wang kurang keberkesanan pada sistem *barter*.
- Wang tidak boleh menjadi bahan pertukaran dengan wang, kecuali membelanjakan dengan barang.

4. Ibnu Khaldun (732 – 845 H)

- Fenomena harga berdasarkan dua perkara; keperluan dasar dan populasi.
- Bekalan yang melebihi keperluan menatijahkan harga murah.

Berita Harian .sg eNewsletter

Setempat Dunia Ekoniaga Sukan Gah! Hidayah Soshiok Halal! Kisah Zakat

REAKSI LANGKAH PEMERINTAH LULUS KHIDMAT PERJUDIAN DALAM TALIAN

Pergas lahir keprihatinan

Oct 17, 2016 | 05:30 AM

f 0 t e Kongsi

PERSATUAN Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura (Pergas) melahirkan rasa prihatin terhadap keputusan pemerintah yang meluluskan permohonan menawarkan khidmat perjudian dalam talian baru-baru ini serta kesannya terhadap kesejahteraan warga Singapura tanpa mengira bangsa dan agama.

Rajah Laluan Program Kepimpinan Asatizah Muda

Jelas, dasar ijhtihad para ulama Islam membentuk kerangka ekonomi dengan meletakkan dasar-dasar yang merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah yang berasaskan kepada kesejahteraan dan keadilan sosial sejagat supaya segala urusan niaga berdasarkan syariah sesuai dengan panduan yang digariskan agama.¹¹

Peranan ulama dalam pengukuhan ekonomi umat Islam: Pengalaman Singapura

Pada bahagian segmen ini, akan dikongsi peranan ulama atau organisasi ulama seperti Pergas¹² dan juga Muis¹³ dalam hal-hal ekonomi masyarakat Islam di Singapura yang meliputi perkara; memberikan panduan keagamaan dan juga dalam membangunkan keupayaan dan kepakaran asatizah, yang secara tidak langsung menyediakan sumber pekerjaan selain berdakwah dan membimbing masyarakat Islam.

Peranan dan inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Panduan agama buat masyarakat Islam

Sebagai organisasi yang mewakili ulama dan guru-guru agama, Pergas mempunyai tanggungjawab dalam memberikan kepimpinan agama kepada masyarakat Islam Singapura. Panduan ini bukan sahaja terhad buat umat Islam Singapura, tetapi juga sebagai menyuarakan keprihatinan Pergas kepada pemerintah Singapura dalam hal-hal yang bersangkutan dengan masyarakat Islam di Singapura.


- Irsyad Pergas bagi resort bersepadu

Irsyad ini dikeluarkan pada tahun 2004 apabila pemerintah Singapura berura-ura ingin membina resort bersepadu di Marina Bay dan Sentosa yang meliputi operasi kasino bagi memajukan ekonomi negara.

Pergas menyatakan ketidaksetujuannya yang disampaikan secara tertutup kepada pemerintah, manakala irsyad atau panduan agama diberikan kepada masyarakat Islam yang ingin mengetahui hukum bekerja di IR sama ada di kasino ataupun yang bukan kasino.¹⁴

- Irsyad Pergas bagi perjudian dalam talian

Irsyad ini dikeluarkan bagi menyuarakan keprihatinan Pergas mengenai rancangan



pemerintah bagi memperkenalkan perjudian dalam talian bagi tujuan membasmi perjudian haram dalam talian yang berleluasa di kalangan sesetengah penduduk Singapura.¹⁵

2. Pembangunan keupayaan asatizah muda


Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada perancangan pelan strategik empat tahun Pergas (2017-2020) bagi melahirkan sekurang-kurangnya lima asatizah muda yang dapat bergiat aktif di lapangan kerja setempat.¹⁶

Bagi merealisasikan pelan ini, satu saluran laluan program kepimpinan asatizah muda telah dilancarkan bagi pelajar madrasah bermula dari menengah empat sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi agama yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Bengkel pengisian ilmu
- Bengkel kepimpinan
- Bengkel persediaan kerja
- Skim *internship* bagi graduan institusi pengajian tinggi agama.

3. Pembangunan asatizah pakar

Seperti program pembangunan asatizah muda, pembangunan asatizah pakar juga merupakan inisiatif perancangan pelan strategik empat tahun Pergas




* YAA target group in 2019 will cover Bidayatul Hidayah, Aqidatul Awwam and Syamil Muhammadiyah

(2017-2020) bagi melahirkan sekurang-kurangnya lima asatizah yang pakar dalam bidang-bidang Pengajian Islam dan kaunseling dan pendamping (*befriender*) dakwah.

Bagi merealisasikan kedua pelan ini, terdapat dua jaluran laluan bagi asatizah pakar telah disediakan; iaitu jaluran laluan program asatizah profesional (asatizah pakar bagi Pengajian Islam) dan laluan program kaunseling bagi asatizah (asatizah pakar bagi pendamping).

Kedua jalur laluan program asatizah muda dan asatizah pakar ini juga bagi membangun keupayaan

Rajah Laluan Program Kaunseling (Pendampingan Dakwah Masyarakat)



dan kepakaran asatizah dan secara tidak langsung menyediakan sumber pekerjaan selain berdakwah dan membimbing masyarakat Islam.

4. Pergas Investment Holdings (PIH)

Selain itu, Pergas turut memiliki syarikat Pergas Investment Holdings bagi membantu melakukan urusan dengan tujuan asal adalah bagi membantu menjalankan aktiviti dan projek yang akan menjana pendapatan bagi Pergas yang secara tidak langsung dapat membuka peluang pekerjaan kepada graduan lulusan pengajian agama.

PIH pada awalnya ditubuhkan pada tahun 2003 bagi menguruskan aset hartanah Pergas, kini berkembang urusniaganya kepada bidang-bidang berikut:

- Pelaburan syarikat
- Pelaburan aset hartanah
- Perancangan estet
- Konsultasi halal & syarikat korporat

- Ibadah akikah dan korban

5. Pembangunan harta wakaf oleh Muis

Melalui peruntukan Akta Pentadbiran Undang-undang Muslim (AMLA), pemerintah Singapura mengiktiraf wakaf samada dalam bentuk hartanah atau wang tunai bagi kebajikan umum umat Islam.

Pada tahun laporan tahun 2017, dilaporkan terdapat sejumlah 156 aset hartanah wakaf masyarakat Islam yang ditaksirkan bernilai \$769 juta. Sebahagian besarnya diuruskan oleh Muis dan sebahagian lagi oleh *mutawalli* atau pengamanah pewakaf. Sekitar 40% daripada harta wakaf yang berdaftar ini pula dibangunkan berdasarkan konsep wakaf tunai.¹⁷

Kedudukan wakaf tunai ini dilihat daripada segi perolehan hasil yang berlaku daripada pelaburan wang sama ada dalam bentuk deposit bank atau dividen.

Di Singapura, beberapa hartanah wakaf terpaksa bertukar ke bentuk wakaf tunai apabila hartanah tersebut diambil-alih oleh pemerintah dan kemudian diberi pampasan dalam bentuk tunai.

Wakaf tunai juga wujud dalam bentuk pelaburan hartanah,

apabila hasil daripada sewaan ke atas aset harta wakaf menjadi perolehan tunai bagi menjana usaha wakaf yang lain seperti pengurusan masjid, kos pengebumian orang miskin, kebajikan anak yatim dan pembangunan sekolah-sekolah Islam.

Konsep wakaf tunai ini merupakan satu konsep baru yang tidak wujud pada masa lalu. Namun rata-rata negara di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura telah mengeluarkan fatwa yang membolehkannya berdasarkan pendapat mazhab Shafi'i yang mengharuskan menunaikan wakaf tunai sekiranya ia bersifat kekal.¹⁸

Contoh pelaksanaan wakaf tunai di Singapura ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui penerangan Dr. Daud Bakar, pakar perbankan dan ekonomi Islam. Beliau menjelaskan:

"Dan kita fokus kepada 2 projek di Orchard Road dan Bencoleen Road. Kalau kita pergi hari ini di tengah-tengah pusat membeli belah di Singapura ada masjid dan sekolah agama yang tersergam indah. Tetapi kita jadikan instrumen kewangan, iaitu dalam tanah itu dengan modal jualan tanah tersebut dalam 9 juta dollar Singapura dan kita perlukan \$27 juta lagi untuk dibangunkan *service apartment* di bahagian belakang. Lengkap sebagai kompleks dan pihak Majlis Agama Islam Singapura menubuhkan anak syarikat Warees sebagai penganalisa kewangan membuat *due diligence* dalam hal undang-undang, percukaian dan pelabur dan keluarlah *sukuk musyarakah* yang berjumlah \$27 juta dollar untuk bangunkan *service apartment* dan masjid. Selama 10 tahun bayar *sukuk* dan dah habis *sukuk*, aset tersebut akan menjadi milik wakaf sepenuhnya. Malah pulangan kepada harta wakaf tersebut lebih banyak daripada harta wakaf yang tidak dibangunkan. Hasil wakaf juga boleh diberikan biasiswa dan apa-apa yang diniatkan oleh pewakaf yang dikumpulkan atas dua keping tanah tersebut."¹⁹

Kesimpulan

Islam mempunyai kerangka ekonomi Islamnya yang tersendiri serta berbeza daripada konsep ekonomi yang diperkenalkan oleh para sarjana Barat. Ekonomi Islam adalah berteraskan nilai-nilai keislaman seperti keadilan dan memastikan ianya diselenggarakan berlandaskan syarak.

Melalui artikel ini juga dapat difahamkan bahawa sumbangan dan peranan ulama dalam ekonomi Islam bukanlah sesuatu perkara yang baru. Ia sudah dibahaskan oleh para ulama silam. Bahkan konsep yang diperkenalkan mereka ada antaranya menjadi teras kepada sistem ekonomi moden hari ini.

Islam tidak melarang umatnya dalam mengembangkan

hartanya dan ekonomi mereka, asal sahaja ia dilakukan dengan penuh hemah dan tanggungjawab tanpa melupakan haknya kepada agama dan juga diri sendiri serta keluarga.

Pada masa yang sama, ulama juga berperanan dalam membangunkan keupayaan pelajar dan graduan agama agar dapat menyumbang kepada masyarakat selain menjadi sumber pendapatan sendiri dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara.



Total number of properties

156

Valuation

\$S\$769 million*

*All figures are as of FY 2017

** Under the Administration of Muslim Law Act or Amla, 'mutawalli' means a person appointed to manage a wakaf or mosque & includes a trustee.

Contoh-Contoh Hartanah Wakaf Yang Dibangunkan



Alias Villas Video

Alias Villas

Somerset Bencoolen

Heritage Residence



The Red House

Yusof Ishak Mosque

Alkaff Upper Serangoon Mosque

Jamea Chulia Mosque

¹Artikel ini disunting dari kertas kerja yang dibentangkan di persidangan Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i bertemakan "Ulama Peneraju Ummah" anjuran Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), pada 13 April 2019.

²Lionel Robbins (2007), *An Essay on the Nature and Significance of Economic Science*, Alabama: The Mises Institute Auburn, ms. 15.

³M.A. Mannan (1970), *Islamic Economics: Theory and Practice*, Lahore: First Impression, p. 3.

⁴M.A. Mannan (1980), *Scarcity and Opportunity Cost: Their Dimensions in Islamic Economics*, Jeddah: King Abdulaziz University Press, ms. 29.

⁵M. Quraish Shihab (2013), *Wawasan Al-Quran*, Jakarta: PT Mizan Pustaka, ms. 533.

⁶Ibid, ms. 535.

⁷Ibid, ms. 531.

⁸Ibid, ms. 532

⁹Mohammad Hashim Kamali (2010), *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*, Kuala Lumpur: International Institute of Advance Islamic Studies Malaysia, ms. 9.

¹⁰Ahmad Maulidizen (2017), "Pemikiran Dan Kontribusi Tokoh Ekonomi Islam Klasik dan Kontemporer", *Deliberatif Jurnal Ilmian Hukum*, jld. 1, no 1, ms. 44-8.

¹¹Ibid, p. 61

¹²Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura) atau Pergas ditubuhkan pada tahun 1957 dengan tujuan asalnya adalah untuk menyediakan wadah bagi kebajikan guru agama pada masa itu. Objektifnya ini kemudiannya dikembangkan untuk membangunkan kapasiti asatizah, memberikan kepimpinan agama dan menyediakan pendidikan Islam kepada masyarakat Islam. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lungsur <https://www.pergas.org.sg/about-us.html> (15 April 2019).

¹³Majlis Ugama Islam Singapura merupakan badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) melalui Akta Pentadbiran orang-orang Islam (AMLA) dan bertanggungjawab bagi kemaslahatan masyarakat Islam Singapura dari penyediaan fatwa, pembangunan dan pengurusan masjid serta madrasah sepenuh masa, pengawasan zakat dan wakaf, pengurusan haji, pengeluaran sijil halal dan

lain-lain. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lungsur <https://www.muis.gov.sg/About-MUIS/> (15 April 2019).

¹⁴Muhammad Haniff Hassan dan Mustazah Bahari (2017), *Operasi Kasino Di Singapura dan Implikasinya Terhadap Hukum Pekerjaan dan Muamalah di Singapura - Analisa Fiqh dan Pendekatan Wasatiyyah*, Singapura: Pustaka Nasional.

¹⁵Sila lihat irsyad yang dikeluarkan Pergas ini di laluan berikut

<http://www.pergas.org.sg/media/MediaStatement/KenyataanMedia-PerjudiandalamTalian.pdf> (15 April 2019). Kenyataan yang sama dikongsi di media arus perdana Singapura dalam bahasa Melayu, Cina dan Inggeris.

¹⁶Merupakan sebahagian daripada Pelan Strategik Empat Tahun Pergas (2017-2020) dengan visi kepimpinan ulama dan asatizah yang berwibawa serta misinya untuk membentuk generasi asatizah pakar yang dapat membimbing masyarakat.

¹⁷Sila lihat

<https://www.muis.gov.sg/wakaf/About/Administration-of-Wakaf> dan <https://www.warees.sg/#section-assets> (15 April 2019).

¹⁸Sila lihat perbincangan ini dengan lebih lanjut dalam tulisan Fathullah Al-Haq Muhammad Asni (2017), "Wakaf Tunai dan Aplikasinya dalam Undang Negara-Negara Asean", *Journal Shariah*, jld. 25, no 2 (2017), ms. 227.

¹⁹Sila lihat artikel sepenuhnya di laluan <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wakaf-instrumen-kewangan-atau-keagamaan/> (15 April 2019).

Siapakah Sebenarnya yang Bergelar Ulama?: Satu Perspektif Wasati

Oleh Ustaz Mustazah Bahari

Pendahuluan

Walau pun ulama itu, di sisi bahasa Arab, bermaksud para ilmuan, penggunaannya di kalangan masyarakat Melayu di sini mempunyai konotasi yang sedikit berbeza.

Ulama dalam penggunaan masyarakat Muslim di sini seringkali dikaitkan dengan para ilmuan yang mahir dan pakar dalam ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan agama. Di dalam bidang ilmu yang lain, ahli atau pakarnya diberi gelaran yang berbagai seperti cendekiawan, ilmuwan, pemikir, karyawan dan sebagainya.

Artikel ini ingin menghuraikan maksud dan pengertian ulama selaku golongan yang mahir dalam keagamaan. Sebab yang mendorong penulisan ini ialah kewujudan tanggapan-tanggapan yang bermasalah sekitar makna dan kedudukan golongan ini berdasarkan pengalaman penulis sendiri berinteraksi dengan pelbagai golongan dalam masyarakat ketika mengendalikan kursus atau kelas agama. Antara tanggapan-tanggapan bermasalah ini ialah pemikiran di kalangan pelajar agama bahawa;

- tiada ulama di Singapura, yang ada hanyalah para pendakwah dan guru-guru agama sahaja.
- golongan agamawan di Singapura belum layak menjadi ulama kerana tidak menghafal Al-Quran dan Hadis, malah jauh sekali dari menghafal bait-bait syair seperti ulama di negara-negara Arab.
- ulama sebenar hanya berada di tanah Arab.

Adakah dakwaan ini benar? Artikel ini cuba menghuraikan isu ini dengan hujah yang *wasatiy*.

Definisi ulama

Dalam bahasa Arab, ulama adalah kata jamak bagi alim, yang bermaksud seorang yang berilmu dan berpengetahuan. Dalam penggunaan umum, kata ulama sering merujuk kepada golongan yang berilmu dalam bidang agama.

Menurut Ibn Al-Qayyim, ulama adalah golongan fuqaha Islam di mana fatwa-fatwa seringkali dikeluarkan

menerusi kata-kata dan pendapat mereka. Mereka berkeahlian dalam mengeluarkan hukum dan memelihara dengan tegas kaedah-kaedah halal dan haram. Mereka di bumi seperti bintang-bintang di langit. Melalui mereka, manusia yang bingung mendapat petunjuk. Keperluan manusia kepada mereka pula melebihi keperluan mereka kepada makan dan minum.¹

Islam memartabatkan kedudukan para ilmuan. Di dalam Al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menunjukkan kelebihan orang yang berilmu. Allah taala berfirman:

“Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat **serta orang-orang yang berilmu** (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Ali Imran: 18)

“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah **orang-orang yang berilmu.**” (Fatir: 28)

“...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang **diberi ilmu pengetahuan agama** (dari kalangan kamu) - beberapa darjat.” (Al-Mujadilah: 11)

Nabi s.a.w juga ada menjelaskan kelebihan golongan ulama seperti dalam hadis-hadis:

“Dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris Nabi.”²

“Kelebihan seorang alim dengan seorang ‘abid adalah seperti aku dengan orang yang paling rendah di kalangan kamu.”³

“Sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan baginya, Allah akan berikannya kefahaman dalam (urusan) agama.”⁴

Syarat-syarat asasi yang perlu ada pada ulama

Menurut Dr. Syed Muhammad Musa, di dalam bukunya berjudul *Al-Ijtihad Wa Mada Hajatina Ilaih Fi Haza Al-`Asr*, menghuraikan syarat-syarat utama yang perlu ada pada seorang alim mujtahid;

1. Al-Quran dan ilmu-ilmunya, seperti pengetahuan mengenai ayat-ayat hukum, *Asbab Al-Nuzul*, *Nasikh* dan *Mansukh*.
2. Hadis atau Sunnah Nabi s.a.w yang berkaitan dengan hukum hakam secara umum.
3. Ilmu tentang *Maqasid Al-Syari'ah*.
4. Mengetahui kaedah-kaedah fiqh yang umum.

Beliau merumuskan bahawa kemampuan seorang alim mujtahid berbeza-beza. Jika sesiapa di kalangan mereka tidak berkemampuan untuk mengeluarkan hukum yang tepat kerana tidak mempunyai cukup bahan atau alat, mereka boleh sahaja bertanya kepada ahli-ahli yang lain untuk mendapatkannya. Itu tidak merendahkan atau melemahkan kedudukannya.⁵

Syarat-syarat yang diperselisihkan

Faham bahasa Arab, bukan semestinya perlu bertutur dalam bahasa Arab dan tidak semestinya menetap di negara Arab. Ramai ulama dahulu bukan berbangsa Arab seperti Sibawaih dalam ilmu Nahu, Al-Bukhari dalam ilmu hadis dan Al-Qurtubi dalam bidang tafsir.

Ulama hari ini sudah pasti mengambil ilmu dari mereka itu dahulu. Jika ilmu itu hanya diterima dari ulama berbangsa Arab, tiadalah ilmu syariat Islam hari ini. Justeru, dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan ulama yang sejati adalah di kalangan orang Arab adalah tidak berasas.

Perbandingan yang dibuat dari sudut kemahiran dan memiliki pelbagai ilmu-ilmu alat dengan ilmuan di negara lain seperti Timur Tengah bukanlah satu pendekatan yang adil kerana pengetahuan mendalam tentang keadaan tempatan juga faktor peranan penting dalam menentukan keilmuan seseorang. Andaikan benar, ulama tempatan kurang dalam ilmu-ilmu agama berbanding ulama Timur Tengah, mereka lebih mempunyai kelebihan dalam pengetahuan tentang keadaan tempatan pula.

Begitu juga halnya tentang syarat hafalan Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. Terdapat perbezaan pendapat mengenai kewajipan menghafal Al-Quran dan hadis-hadis yang banyak bagi seseorang untuk bergelar alim.

Walau pun Imam Al-Syafi'i berpendapat bahawa seorang yang bergelar alim mujtahid hendaklah menghafal Al-Quran,⁶ Imam Al-Ghazali pula berpendapat sebaliknya. Beliau berkata, "Tidaklah disyaratkan bagi seorang mujtahid itu menghafal Al-Quran, cukuplah baginya mengetahui dengan tepat dan pasti di mana ayat-ayat yang mengandungi hukum hakam ketika mana dia memerlukannya apabila diminta."⁷

Dr. Nadiah Sharif Al-'Umari di dalam bukunya berjudul *Al-Ijtihad Fi Al-Islam* menyatakan bahawa walaupun elok bagi seorang mujtahid menghafal Al-Quran, ia bukanlah syarat kerana kebanyakan para sahabat juga tidak menghafal semua Al-Quran, sedangkan mereka sering melakukan ijtihad, seperti Umar bin Al-Khattab.⁸

Begitu juga Syeikh Saleh Al-Fauzan dan para ulama kontemporari yang lain juga tidak mensyaratkan hafalan Al-Quran atau hadis sebagai satu kemestian bagi seorang yang bergelar alim mujtahid.⁹


Jika ditinjau pada ilmu *Mustalah Al-Hadith* dalam pembahasan mengenai *dhabt* (kemantapan seorang perawi dalam menerima dan menyampaikan hadis), ia terbahagi kepada dua; i) *dhabt sadr* (mantap hafalan) dan, ii) *dhabt kitab* (mantap catitan).

Ada di kalangan ahli hadis yang mempunyai kelebihan dalam hafalannya, ada pula tidak kuat hafalan tetapi tepat salinan atau catitan hadis yang diterima daripada

gurunya. Maka, sesiapa di kalangan para perawi hadis yang mempunyai salah satu dari kedua-dua kriteria ini, periwayatan hadisnya diterima.¹⁰

Ini boleh dijadikan hujah untuk menegaskan bahawa syarat menghafal kesemua ayat Al-Quran atau hadis-hadis Nabi s.a.w bukanlah satu kemestian kerana yang lebih utama adalah sifat amanah dalam menerima dan menyampaikan agama Allah taala.

Tidak dinafikan bahawa hafalan seluruh Al-Quran dan hadis-hadis yang banyak merupakan satu kelebihan dan patut diutamakan, namun ia bukan syarat utama yang disepakati oleh ulama. Individu atau kumpulan agamawan yang mempunyai kemampuan sedemikian patut dikedepankan untuk menjadi pemimpin agama. Namun persoalannya sekali lagi, adakah cukup dengan hanya banyak menghafal tetapi tidak mempunyai kemampuan untuk memahami secara kritis isu-isu yang



berbangkit yang memerlukan jawapan tepat dari sudut pandangan syarak?

Pandangan siapa didahulukan: Ulama luar atau setempat?

Imam Al-Qurtubi berkata,

“Pada dasarnya, kewajipan seorang awam adalah tidak menyibukkan diri dengan ‘istinbat’ hukum kerana dia tidak berkeahlian berbuat demikian dan tidak tahu cara-cara untuk mengendalikan urusan agama. Dia sebenarnya memerlukan seorang yang alim yang hidup sezaman dengannya dan tinggal bersama-sama di negaranya. Hendaklah dia bertanya kepada mereka tentang urusan-urusan yang berlaku secara mendadak, dan kemudian hendaklah dia turuti apa yang telah difatwakan ..”¹¹

Syeikh Muhammad Saleh Al-Uthaimeen juga mengatakan bahawa seorang awam hendaklah menurut fatwa atau pandangan ulama setempat di mana dia tinggal. Beliau juga menukikan dari Syeikh Abd al-Rahman Al-Sa’ di bahawa beliau melarang masyarakat Islam setempat mengambil fatwa daripada ulama dari luar negara.¹²

Menurut Syeikh Dr. Mustafa Bugha, persoalan mengenai isu-isu agama yang bersifat tempatan, hendaklah ditanya kepada mufti di tempat itu kerana dia lebih mengetahui hal ehwal setempat, lalu akan memberi fatwa yang sesuai.¹³

Golongan ahli hadis juga mengamalkan sistem mengambil periwayatan dari perawi hadis yang tinggal di negara sendiri terlebih dahulu. Hammad bin Zaid, salah seorang ahli hadis yang tersohor pernah mengungkapkan kata-kata, “penduduk sesebuah negeri lebih mengetahui tentang penduduk-penduduknya (yang lain)”.¹⁴ Maksudnya, penduduk sesebuah daerah atau negeri lebih mengenali latarbelakang penduduk di tempat itu berbanding orang luar.

Setiap tempat atau negara mempunyai kes-kes unik yang terkait dengan hukum Islam. Berlakunya sesuatu perkara di sesebuah negara tidak semestinya mewajibkan seluruh ulama di seluruh dunia untuk memikirkan sama jalan keluar bagi masalah-masalah domestik yang dihadapi. Cukuplah dengan golongan ulama setempat untuk menyelesaikannya menurut

kesesuaian konteks dan maslahat di tempat itu. Misalnya di Singapura ini isu mengeluarkan zakat, harta warisan dan pembahagian aset jika berlaku perceraian daripada simpanan wang CPF. Begitu juga isu penggunaan air Newater dan isu pemilikan bersama rumah HDB adalah kes-kes unik di Singapura dan tidak berlaku di negara lain. Bagaimana mungkin seorang alim di luar Singapura mampu untuk menghuraikan isu-isu tersebut dan mengeluarkan fatwa jika mereka tidak tahu keadaan sebenar yang berlaku di Singapura?

Pernah suatu ketika dahulu, timbul isu hukum pembelian rumah di Singapura yang melibatkan pembayaran faedah (*interest*) ke atas para pembeli. Ada yang bertanya dengan para ulama di luar Singapura dan mereka disarankan, bahkan ada yang mengarahkan supaya masyarakat Islam Singapura jangan membeli rumah di Singapura untuk mengelak dari berurusan dengan sistem riba. Lalu ada di kalangan masyarakat


Islam terima fatwa tersebut dan melaksanakannya. Mereka memilih untuk menyewa sahaja rumah di Singapura. Masalah yang timbul selepas itu adalah harga sewa yang tinggi tidak membolehkan semua masyarakat Islam Singapura untuk mengambil pilihan itu. Akhirnya mereka semakin rasa tertekan dengan keadaan yang berlaku ke atas mereka. Sedangkan isu tersebut perlu dirujuk kepada ulama setempat dan dihuraikan menurut konteks kehidupan di Singapura yang pastinya dilakukan berpandukan juga dasar-dasar yang

ditetapkan dalam Islam.

Kesimpulan

Hakikatnya, kadar kelimuan dan peranan seseorang di dalam menguruskan hal ehwal agama juga terkait dengan suasana negeri atau tempat tinggalnya. Misalnya jika di sebuah daerah tidak mempunyai sesiapa yang mempunyai kemahiran yang mendalam tentang hukum hakam, tetapi ada di kalangan masyarakat itu yang mampu membaca Al-Quran dan teks-teks agama dengan kefahaman yang betul, mereka perlu dikedepankan sebagai pemimpin agama di situ. Apabila keadaan berubah pula setelah itu sehingga terdapat beberapa individu yang lebih berkemahiran, mereka pula yang perlu dikedepankan.

Penyebaran ilmu dan kefahamannya berlaku secara bertahap-tahap sejak zaman Nabi s.a.w lagi. Dari situlah



berkembangnya para ahli ilmu di kalangan sahabat dan seterusnya kepada para tabiin hinggalah ke hari ini.

Sejarah pembangunan ilmu-ilmu agama di Singapura khususnya menunjukkan bahawa ia meningkat secara bertahap-tahap. Pada tahun 1960 hingga 80an misalnya, tidak kedengaran gelaran hafiz Al-Quran diberi kepada sesiapa pun.¹⁵ Mufti-mufti yang dilantik pun tidak memegang gelaran itu. Hari ini sudah ramai di kalangan masyarakat Muslim, baik dari golongan asatizah mahupun orang awam yang minat terhadap pengajian Al-Quran, telah menjadi hafiz Al-Quran.

Kita perlu faham perbezaan antara seorang yang alim dengan seorang yang mempunyai kepakaran yang mendalam terhadap isu-isu yang kritikal. Di dalam bidang fiqh pun terdapat pembahagian kategori bagi mujtahid. Ada yang digelar mujtahid mutlak, ada pula yang bergelar mujtahid mazhab. Dengan pembahagian kategori seperti ini, jika ada yang berpendapat bahawa di Singapura memang tiada seorang pun layak digelar ulama, itu tidak membuktikan tiada langsung ahli-ahli ilmu yang mampu menguruskan hukum

hukum Islam menurut kadar kemampuan yang sedia ada.

Tidak mustahil pada masa hadapan, akan timbul ramai di kalangan agamawan yang menghafal seluruh Al-Quran dan memiliki khazanah ilmu yang luas. Kita telah saksikan sendiri perkembangan tersebut di Singapura. Jika keadaan kita di Singapura mempunyai ramai ahli-ahli ilmu agama seperti di negara Timur Tengah pada masa hadapan nanti, sudah tentu pemilihan untuk diberi jawatan tertinggi dalam urusan agama juga berbeza.

Namun setakat ini kita perlu raikan kadar yang sedia

ada, dan kita sama-sama dapat menyaksikan adanya peningkatan dan kemajuan di dalam urusan pentadbiran agama dari sudut ahli-ahli dan sistemnya.

Pergas iktiraf sumbangan dua asatizah menerusi dua anugerah

* Ustaz Sallim Jasman, terima Anugerah Obor Ummah * Ustaz Syed Mustafa Alsagoff diberi Anugerah Asatizah Harapan * Pergas akan fokus sebar Islam sederhana

Juli 02, 2018 | 05:30 AM

NUR DHUHA ESOF



SUMBANGAN ASATIZAH DIKIRIF. Ustaz Sallim Jasman (tiga dari kiri) dan Ustaz Syed Mustafa Alsagoff (empat dari kiri) masing-masing menerima Anugerah Obor Ummah dan Anugerah Asatizah Harapan di majlis penyempulan Anugerah Pergas Ketiga semalam. Bersama mereka ialah (dari kiri) Ketua Pegawai Eksekutif Pergas, Ustaz Mohammad Yusri Yubli Md Yusoff, Ustaz Hasbi, Encik Masagos dan Ustaz Pasuni Maulan. - Foto PERGAS

¹Ibn al-Qayyim (1996), *l'lam Al-Muwaqqi'in 'An Rab Al-'Alamin*. Beirut, Dar Al-Kitab Al-Arabi, jld. 1, ms. 18.

²Riwayat Al-Turmuzi. Hadis no. 2606.

³Ibid. Hadis no. 2609.

⁴Riwayat Al-Bukhari. Hadis no. 69

⁵Lihat ms. 196-9.

⁶Muhammad Amin (t.t), *Taisir Al-Tahrir 'Ala Kitab Al-Tahrir*, Makkah: Dar Al-Baz, jld. 4, ms. 181.

⁷Al-Ghazali (t.t), *Al-Mustasfa Min Ilm Al-Usul*, Riyadh: Dar Al-Maiman, jld. 2, ms. 641.

⁸Nadiah Al-'Umari (1984), *Al-Ijtihad Fi Al-Islam: Usuluh, Ahkamuh, Afaquh*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, ms. 70-1.

⁹Saleh Al-Fauzan (1412H), *Al-Ijtihad*, Riyadh: Dar Al-Muslim, ms. 15. Lihat juga Jalal Al-Din bin Abd. Al-Rahman (1986), *Al-Ijtihad: Dhawabituh Wa Ahkamuh*, ms. 43.

¹⁰Ibn Kathir (1431H), *Ikhtisar Ulum Al-Hadith*, Riyadh: Dar Al-Maiman, ms. 207-8.

¹¹Al-Qurtubi (2006), *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, jld. 3 hlm. 16-17.

¹²Lihat Al-Islam Su'al Wa Jawab, *Al-Wajib 'Ala Al-Ammi An Yuqallid Ulama Baladihi Wa La Yakhruj 'An*

Aqwalihim, di

<https://islamqa.info/ar/answers/215535/%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D8%AC%D8%A8-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D8%A7%D9%85%D9%8A-%D8%A7%D9%86-%D9%8A%D9%82%D9%84%D8%AF-%D8%B9%D9%84%D9%85%D8%A7%D8%A1-%D8%A8%D9%84%D8%AF%D9%87-%D9%88%D9%84%D8%A7-%D9%8A%D8%AE%D8%B1%D8%AC-%D8%B9%D9%86-%D8%A7%D9%82%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%85> (21 April 2019)

¹³Penulis menyaksikan sendiri jawapan yang diberi ketika menghadiri majlis bersama asatizah di Singapura pada tahun 2014.

¹⁴Al-Khatib Al-Baghdadi (1357H), *Al-Kifayah Fi 'Ilm Al-Riwayah*, Dar Al-Ma'arif Al-Uthmaniah, ms. 106.

¹⁵Gelaran yang diberi oleh masyarakat Melayu kepada mereka yang menghafal Al-Quran seluruhnya, walaupun dalam tradisi ilmu Islam sebenar ia bukan gelaran bagi para penghafal seluruh Al-Quran.



The Ramadhan-Bazaar Conundrum: A Way Forward

By Mohd Hafiz Kusairi

This article will look at the Ramadhan-Bazaar conundrum which rears its head yearly as the community wrestles with uplifting its spirituality vis-a-vis an entity which also holds its own justification for its existence.

The article acknowledges the rightful desires of a Muslim to enhance his or her spirituality in Ramadhan which also includes taking steps to avoid compromising this pursuit. This might include the decision to avoid the existing Ramadhan bazaars. However, the article will also try to present some justifications on the part of the vendors and patrons at the bazaar so that it creates a more nuanced understanding within society, which will prevent the prevalence of misplaced assumptions and judgements that will ironically, compromise the very exalted spirituality one is pursuing.

Basis for conundrum

Ramadhan is a month in which a Muslim seeks to elevate his or her state of spirituality; either through increasing the frequency of existing routines or seeking forgiveness from Allah.

The Prophet (pbuh) mentioned in a hadith: The Prophet (pbuh) said, "Whoever established prayers on the night of Qadr out of sincere faith and hoping for Allah's reward, then all his previous sins will be forgiven; and whoever fasts in the month of Ramadan out of sincere faith, and hoping for Allah's reward, then all his previous sins will be forgiven." (Narrated by Al-Bukhari)

As such, Muslims are exhorted to seize the opportunity presented by this blessed month to not

only perform good deeds and avoid the evil ones but to ensure that the premises for doing so is preserved as well. This will entail maximizing every temporal opportunity to pursue acts of goodness and minimizing the possibilities for the compromise of this pursuit. This includes minimizing the desire to sleep in abundance during the day and eating in excess at night. Imam Abdullah Al-Haddad mentioned in his *Al-Nasaih Al-Diniyyah Wa Al-Wasaya Al-Imaniyyah* (translated: *Religious Counsels and Faith-based Advices*):

"Among the etiquettes of fasting is to not sleep excessively during the day not eat excessively during the night, but to rather be moderate in that so that one feels the hunger and thirst and trains the self, weakens the passions and enlightens the heart. That is the secret of fasting and its purpose. The fasting person should avoid extravagance and excessive passion and delights as we have already mentioned."

At the same time, like in most Muslim communities worldwide, the arrival of Ramadhan in Singapore brings with it the atmosphere of festivity in light of the celebratory month of Syawal succeeding it.

This is most evidently manifested in the form of the bazaars; most prominently in the Geylang Serai district and increasingly in the heartlands too. Usually active from late noon till the wee hours of the morning on a weekday and almost the whole day through the night on weekends, the presence of these bazaars have traditionally attracted throngs of patrons especially in the final days of Ramadhan.

As such, at a time when one is striving to both preserve and raise his or her spirituality, another reality seemingly challenges this purpose. Some have even described the presence of such bazaars as having a corrosive effect on the sanctity of Ramadhan.

Call to caution

Indeed, the presence of bazaars have the potential to compromise the rewards one seeks to reap in the month of Ramadhan due to the prevalence of the very entities such as abundant food and entertainment that can veil one from appreciating Ramadhan in its truest form.

However, another undesirable outcome of this Ramadhan-Bazaar conundrum that is often overlooked is the tendency to cast a blanket accusation over those associated with the bazaar such as the vendors and patrons for their perceived ignorance of the significance of Ramadhan. Worse, one starts to develop the belief that those who appropriate time for the bazaar are inferior pursuers of Ramadhan.

Allah cautions against hurling wrongful accusations and developing superiority complex in the Qur'an:

“O you who have believed, let not a people ridicule [another] people; perhaps they may be better than them; nor let women ridicule [other] women; perhaps they may be better than them. And do not insult one another and do not call each other by [offensive] nicknames. Wretched is the name of disobedience after [one's] faith. And whoever does not repent - then it is those who are the wrongdoers.

O you who have believed, avoid much [negative] assumption. Indeed, some assumption is sin. And do not spy or backbite each other. Would one of you like to eat the flesh of his brother when dead? You would detest it. And fear Allah; indeed, Allah is Accepting of repentance and Merciful.” (Al-Hujurat, 11-2)

A nuanced understanding of bazaars

First of all, in all theological matters, the original ruling must be established. On this regard, it is argued that the permissibility of operating bazaar falls under the fiqh maxim, “the principal ruling for all (*mu`amalah*) matters is *mubah* (permissible)”. Thus, it is upon those who claim the otherwise to offer the *dalil* for impermissibility.

Critics argue that those involved in the bazaar, both vendors and patrons, have wasted their time during this precious time of Ramadhan in “wordly matters” when the time could have been better appropriated for acts of devotion.

While there is truth in some of these grievances, which include the act of some vendors selling food for open consumption by Muslims in broad daylight, there is a great need for nuanced understanding so as not to fall into the trap of making baseless accusations.

The Qur'an has addressed a similar issue in surah Al Baqarah verse 198,

“[However,] you will be committing no sin if [during the pilgrimage] you seek to obtain any bounty from your Sustainer. And when you surge downward in multitudes from `Arafat, remember God at the holy place, and remember Him as the One who guided you after you had indeed been lost on your way.”

The verse addressed the negative perception among Muslims towards those who involved themselves in trading while performing their pilgrimage during its season – a time when devotion to God should have been given priority.

Instead of condemning those who were involved in trade during the pilgrimage period, the verse seeks to console the traders.

Often, the general basis for vendors setting up their respective stalls in

Ramadhan is to capitalize on the crowd size and reap returns that will exceed their normal margins outside of Ramadhan.

For these vendors, business in this form is their livelihood and capitalizing on Ramadhan can almost be similar to how some of us look forward to particular times of the year for our annual bonuses. These perks provide them with the income to at least meet their own needs and those under their care.

The Prophet (pbuh) mentioned in a hadith, “By Him in whose hand is my soul, if one of you were to carry a bundle of firewood on his back and sell it, that would be better for him than begging a man who may or may not give him anything.” (Narrated by Al-Bukhari)

Niaga bazar tahun ini 'boleh tahan', tapi...

Jun 14, 2018 | 05:30 AM

ATIYYAH MOHD SAID

SRI AFIQAH HAMIR

Kongsi



PRESTASI PERNIAGAAN: Sebilangan peniaga di bazar Geylang Serai mencatatkan penjualan yang memberangsangkan namun ada pula yang mendapati hasil perniagaan mereka kurang memuaskan. - Foto fail

Tempoh niaga musiman di bazar akan melaburkan tirainya, bermakna para peniaga di bazar Raya sudah mula menyemak akaun dan mendapatkan laporan untung rugi bagi perniagaan kali ini. Berita Harian meninjau pencapaian 20 pergerai di Bazar Geylang Serai. **ATIYYAH MOHD SAID** (atiyyahm@sph.com.sg) dan **SRI AFIQAH HAMIR** (afiqah@sph.com.sg) melaporkan.

Furthermore, while there is caution against the preoccupation with food in the month of Ramadhan, one must not make the simplistic assumption that those who are at bazaars are preoccupied with it and hence have compromised themselves in Ramadhan.

There will be those who are purchasing food with the purpose of providing others with it. This can extend from family members, neighbours, colleagues or even the needy members of society.

The Prophet (pbuh) mentioned, "O people, exchange greetings of peace, feed people, establish ties of kinship, and be in night prayer when others are

asleep, you will enter Jannah in peace." (Narrated by Al-Tirmidhi)

In another hadith, he (pbuh) said, "The most beloved people to Allah are those who are most

beneficial to the people. The most beloved deed to Allah is to make a Muslim happy, or to remove one of his troubles, or to forgive his debt, or to feed his hunger." (Narrated by Al-Thabarani)

Granted that one can always 'fault' patrons and vendors alike on various counts such as:

1. not financially planning in advance hence resulting in a Ramadhan spent trying to reap worldly rewards at bazaars,
2. not purchasing the necessary items for Hari Raya in advance hence having to be unnecessarily present at the bazaar doing so, and
3. not having adequate appreciating home-cooked food and thus purchasing food at bazaars for novelty's sake and hence having to spend precious time at the bazaar.

However, these do not justify the sweeping perceptions one should impose upon both patrons and vendors at bazaars.

In fact, patrons and vendors are known to have completed their Terawih prayers and tilawah (Quranic recitation) prior to making their way to the bazaar.

There are also vendors who complete their terawih in the wee hours of the morning after they have completed their sales for the day.

Again, while the argument that arises from this claim would be how these trivial pursuits undermines the optimal attainment of Ramadhan's rewards, this article is not focused on making comparisons between those who spend their Ramadhan in worship and those who frequent bazaars.

In fact, this article is trying to provide a possible way forward such that our Ramadhan is illuminated not only through our ardent acts of worship but also through a more considerate and balanced perspective towards others.

Moving forward

A wise Muslim should not just highlight shortcomings and see eradication as the sole solution to them.

Instead, he or she should strive to work out solutions that address these surfaced shortcomings head-on, yet constructively. A recent initiative called The Grand Bazaar in 2018 presented an insightful concept that addressed some of the concerns that have contributed to the Ramadhan-Bazaar conundrum.

There have been numerous reminders in Ramadhan for Muslims to honour its sanctity. They have often been directed towards those frequenting bazaars. This overlooks the underlying reasons why bazaars are frequented in the first place.

Far from trying to justify the undesirable acts that undeniably do exist at bazaars, this article calls for one to be most cautious of making sweeping assumptions.

While it is pertinent for one to hasten to goodness in Ramadhan, avoiding this goodness from being eradicated by unfounded assumptions is as pertinent, if not more.

Conclusion

In short, addressing the Ramadhan-Bazaar conundrum calls for an understanding on both parts which eventually points to a common outcome: that the preservation of the sacred month of Ramadhan calls for both and outward inward respect and understanding for both the month and those in it.

